



MEMO

Daripada : **Nik Haneez Amizan Nik Rosdi**
Penolong Pengurus, MCS/CPD

Kepada : **YBhg. Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman**
Ketua Pengarah, MPC

Melalui : **Shezlina Zakaria**
Timbalan Pengarah, CPD

Tarikh : Rabu, 7 Julai 2021

**PERKARA : MEMOHON KELULUSAN PEMBAYARAN
BAGI LPO KELUAR SELEPAS TARIKH
KERJA**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', Unit Media telah menjalankan beberapa program seperti berikut, yang mana LPO yang keluar selepas kerja dijalankan oleh pihak perunding/pembekal:

- i. Kajian Sejahtera *Productivity Culture Index* (SPCI)
- ii. *Launching of Productivity Report 2021* (APR 2021)

3. Dua program di atas melibatkan 2 pembekal seperti:

- i. *Market Insights* - SPCI
- ii. *Remedy Resources* – APR

4. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa perkara seperti berikut:

- i. Terdapat isu di mana projek ini dikatakan berkait rapat dengan kajian yang dilaksanakan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) pada April yang lepas. Ini menyebabkan kajian ini yang sepatutnya bermula bulan April terpaksa dihentikan seketika untuk pemeriksaan yang lebih lanjut. Perancangan telah dilakukan semula secara berfasa dan perkara ini selesai pada hujung Mei. Pihak pembekal meneruskan kajian dengan mengeluarkan laporan tanpa MPC menyediakan LPO berikutan kekangan masa yang dihadapi.

- ii. Untuk perkara yang seterusnya, terdapat penambahan peruntukan bagi menjalankan program tahunan yang melibatkan media sosial MPC. Tambahan pula, tambahan peruntukan ini diluluskan sehari sebelum program berjalan iaitu 29 Jun 2021. Jadi amat sukar untuk saya melengkapkan RO sebagai persiapan awal untuk mendapatkan LPO dalam tempoh masa yang singkat.
5. Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan yang dinyatakan di atas bagi memastikan proses.
6. Pertimbangan daripada YBhg. Dato' amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima ribuan terima kasih.

Sekian,

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Disediakan oleh: 	Disokong oleh: 	Diluluskan oleh: 
(NIK HANEEZ AMIZAN NIK ROSDI) Penolong Pengurus Bahagian Perancangan & Pembangunan Korporat Tarikh: 7 Julai 2021	(SHEZLINA ZAKARIA) Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan & Pembangunan Korporat Tarikh: 7 Julai 2021	(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN) Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia Tarikh: 12 Julai 2021